



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Director General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1 JLD11 (8)

Tarikh : 1 Julai 2026

Semua Ketua Bahagian

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN BILANGAN 6
TAHUN 2026: GARIS PANDUAN PELAKSANAAN KERANGKA STANDARD
BAHASA MELAYU KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

TUJUAN

Surat pekeliling ikhtisas (SPI) ini bertujuan memaklumkan Garis Panduan Pelaksanaan Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM) Kementerian Pendidikan.

LATAR BELAKANG

2. Kerangka Standard Bahasa Melayu ialah dokumen rujukan penyetaraan standard kompetensi berbahasa untuk menentukan tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa dalam kalangan pengguna bahasa Melayu. KSBM telah diperakukan oleh Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai satu piawai pengukuran tahap kompetensi berbahasa dalam kalangan pengguna bahasa Melayu.

3. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Bilangan 18 Tahun 2025 bertarikh 9 Julai 2025 telah bersetuju untuk meluluskan Garis Panduan Pelaksanaan Kerangka Standard Bahasa Melayu Kementerian Pendidikan bagi memberikan panduan pelaksanaan KSBM kepada semua warga Kementerian Pendidikan (KPM) termasuk sekolah, pejabat pendidikan daerah (PPD), jabatan pendidikan negeri (JPN), institusi pendidikan, bahagian dan agensi bawah KPM.

4. Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 4 Mac 2026 juga telah meluluskan Memorandum daripada Menteri Pendidikan berkaitan Kerangka Standard Bahasa Melayu.

PELAKSANAAN

5. Surat Pekeliling Ikhtisas Garis Panduan Pelaksanaan Kerangka Standard Bahasa Melayu Kementerian Pendidikan ini disediakan sebagai rujukan penggunaan KSBM kepada semua warga KPM di bahagian, JPN, PPD dan institusi pendidikan bawah KPM.

6. Sehubungan dengan itu, semua warga KPM perlu menggunakan bahasa Melayu yang setara standard kompetensi berbahasa berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan Kerangka Standard Bahasa Melayu Kementerian Pendidikan. KSBM perlu dijadikan rujukan standard kompetensi berbahasa Melayu dalam pembangunan kurikulum kebangsaan, pentaksiran dan pembinaan bahan sokongan pengajaran dan pembelajaran.

TARIKH KUAT KUASA

7. Surat pekeliling ikhtisas ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai tarikh SPI ini dikeluarkan.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN


8. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dan memastikan kandungan SPI ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, JPN, PPD dan semua institusi pendidikan bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK DR. MOHD AZAM BIN AHMAD)

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan

- s.k.: 1. YB Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan
3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan
4. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
Kementerian Pendidikan

5. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan
6. Penasihat Undang-undang
Kementerian Pendidikan



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN KERANGKA STANDARD BAHASA MELAYU
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

ISI KANDUNGAN

Tajuk	Muka surat
1.0 Tujuan	3
2.0 Objektif	3
3.0 Definisi Konsep	3
4.0 Kategori Pengguna Bahasa	6
5.0 Peranan dan Tanggungjawab	7
6.0 Pelaksanaan	9
7.0 Penutup	9
8.0 Lampiran:	10

Lampiran 1: Ciri Kualiti Berbahasa Pengguna KSBM

Lampiran 2: Jadual Penetapan Tahap Minimum Standard Kompetensi Berbahasa Pengguna Berdasarkan KSBM

Lampiran 3: Carta Alir Pelaksanaan KSBM bagi Pembinaan Kurikulum, Pentaksiran dan Bahan Sokongan

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN KERANGKA STANDARD BAHASA MELAYU KEMENTERIAN PENDIDIKAN

1.0 Tujuan

Garis Panduan Pelaksanaan Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM) Kementerian Pendidikan (KPM) disediakan bertujuan untuk menjelaskan panduan pelaksanaan KSBM kepada semua warga KPM, iaitu sekolah, pejabat pendidikan daerah (PPD), jabatan pendidikan negeri (JPN), dan bahagian KPM.

2.0 Objektif

Garis panduan pelaksanaan KSBM di KPM bertujuan untuk:

- 2.1 menjelaskan standard kompetensi berbahasa dalam pembangunan kurikulum kebangsaan dan kurikulum latihan pembangunan profesionalisme keguruan;
- 2.2 menentukan tahap kompetensi berbahasa dalam pentaksiran; dan
- 2.3 menentukan standard kompetensi berbahasa dalam penyediaan bahan sokongan pengajaran dan pembelajaran.

3.0 Definisi Konsep

3.1 Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM)

KSBM merupakan dokumen rujukan penyetaraan standard kompetensi berbahasa bagi menentukan tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pengguna bahasa Melayu.

3.2 Kemahiran Bahasa

Kemahiran bahasa meliputi empat komponen utama, iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca


dan kemahiran menulis.

3.3 Standard Kompetensi Berbahasa

Standard kompetensi berbahasa merupakan tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa Melayu pengguna yang distrukturkan kepada enam tahap secara berperingkat. Setiap tahap diskalakan kepada enam aras mengikut pemeringkatan taksonomi. Perincian tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa adalah seperti yang berikut:

- Tahap 1 (Sangat Terbatas): Aras 1 hingga Aras 6
- Tahap 2 (Terbatas): Aras 1 hingga Aras 6
- Tahap 3 (Memadai): Aras 1 hingga Aras 6
- Tahap 4 (Memuaskan): Aras 1 hingga Aras 6
- Tahap 5 (Cekap): Aras 1 hingga Aras 6
- Tahap 6 (Sangat Cekap): Aras 1 hingga Aras 6

(Dibaca bersama Buku KSBM Edisi Kedua, 2021: Bab 5 Tahap KSBM dan Bab 6 Aras Rujukan KSBM bagi perincian aras setiap tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa)



Rajah 1: Standard Kompetensi Berbahasa KSBM

Rajah 1 mempamerkan skala standard kompetensi berbahasa KSBM secara umum. Setiap tahap pemerolehan dan penguasaan KSBM mengandungi tiga elemen keupayaan berbahasa iaitu kemahiran bahasa, ilmu bahasa dan konteks berbahasa yang distrukturkan kepada Peringkat Asas (Tahap 1 dan Tahap 2), Peringkat Pertengahan (Tahap 3 dan Tahap 4) dan Peringkat Tinggi (Tahap 5 dan Tahap 6). Keupayaan berbahasa berdasarkan KSBM dihuraikan seperti yang berikut:

- Tahap 1 ialah kompetensi berbahasa pengguna bahasa Melayu yang sangat terbatas dan berupaya menyatakan perihal diri dan keluarga dengan menggunakan simbol, perkataan, frasa mudah dan lazim.
- Tahap 2 ialah kompetensi berbahasa pengguna bahasa Melayu yang terbatas dan berupaya menerangkan perihal kejiranan dan aktiviti harian dengan menggunakan kata hubung, ayat mudah

dan lazim untuk berkomunikasi.

- Tahap 3 ialah kompetensi berbahasa pengguna bahasa Melayu yang memadai dan berupaya menyampaikan maklumat berdasarkan teks yang lazim dan diminati dengan menggunakan pelbagai jenis dan ragam ayat.
- Tahap 4 ialah kompetensi berbahasa pengguna bahasa Melayu yang memuaskan dan berupaya merumuskan idea berdasarkan perbincangan dan teks yang kompleks dengan menggunakan laras bahasa dan wacana secara bertatasusila.
- Tahap 5 ialah kompetensi berbahasa pengguna bahasa Melayu yang cekap dan berupaya menilai maklumat daripada pelbagai bahan dengan menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya.
- Tahap 6 ialah kompetensi berbahasa pengguna bahasa Melayu yang sangat cekap dan berupaya menjana idea baharu berdasarkan bahan yang mengandungi maklumat kompleks dengan menggunakan bahasa Melayu tinggi dan berbudaya.

(Sumber: KSBM Edisi Kedua, 2021)

- 3.4 Tahap pemerolehan dan penguasaan pengguna bahasa Melayu berbeza. Oleh itu, ciri kualiti berbahasa pengguna bahasa Melayu dikategorikan seperti Lampiran 1. *(Bab 7 Kategori Pengguna Bahasa, KSBM Edisi Kedua, 2021)*
- 3.5 Tahap minimum standard kompetensi berbahasa yang perlu dicapai oleh pengguna bahasa Melayu berdasarkan KSBM mengikut kategori adalah seperti Jadual 1:

Tahap KSBM	Kategori Pengguna Bahasa
Tahap 1 (Sangat Terbatas)	• Murid Prasekolah hingga Tahun 3
Tahap 2 (Terbatas)	• Murid Tahun 4 hingga Tahun 6
Tahap 3 (Memadai)	• Murid Tingkatan 1 hingga Tingkatan 2
Tahap 4 (Memuaskan)	• Murid Tingkatan 3 hingga Tingkatan 5 • Pelajar Kolej Tingkatan Enam (KTE) • Pelajar Kolej Vokasional (KV) • Pelajar Kolej Matrikulasi (KM) • Pelajar Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPG) • Guru/Pensyarah Bukan Opsyen Bahasa Melayu • Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Selain Bidang Bahasa Melayu
Tahap 5 (Cekap)	• Guru/Pensyarah Opsyen Bahasa Melayu • Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Bidang Bahasa Melayu
Tahap 6 (Sangat Cekap)	• Pakar Bidang Bahasa Melayu

Jadual 1: Penetapan Tahap Minimum Kompetensi Berbahasa Mengikut Kategori Pengguna Bahasa

3.6 Penetapan tahap minimum standard kompetensi berbahasa setiap kategori pengguna bahasa di KPM dirincikan kepada huraian aras bagi setiap tahap pemerolehan dan penguasaan berdasarkan KSBM seperti Lampiran 2.

4.0 Kategori Pengguna Bahasa

Kategori pengguna bahasa di KPM yang terlibat adalah seperti yang berikut:

4.1 murid prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, dan lepas menengah di institusi pendidikan KPM;

- 4.2 guru/pensyarah bawah KPM;
- 4.3 Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di bahagian, JPN, PPD dan agensi bawah KPM.

5.0 Peranan dan Tanggungjawab

Pelbagai pihak perlu berperanan sebagai penggerak dan pelaksana KSBM di KPM bagi memastikan pelaksanaan KSBM dapat dijalankan selaras dengan garis panduan yang ditetapkan. Antaranya adalah seperti yang berikut:

5.1 Kumpulan Penggerak

Kumpulan Penggerak bertanggungjawab untuk memastikan arahan SPI tentang pelaksanaan KSBM sebagai rujukan untuk membina kurikulum, pentaksiran dan bahan sokongan pengajaran dan pembelajaran di KPM dipatuhi seperti yang ditetapkan dalam garis panduan pelaksanaan KSBM. Kumpulan Penggerak terdiri daripada:

- i. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia; dan
- ii. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia.

5.2 Pengawal Kualiti Bahasa Melayu Berdasarkan KSBM

Jawatankuasa Penarafan Kerangka Standard Bahasa Melayu (JPKSBM) yang diteraju oleh Dewan Bahasa dan Pustaka bertanggungjawab mengawal kualiti dan menentusahkan standard berbahasa Melayu berdasarkan KSBM dalam pembinaan kurikulum, pembinaan pentaksiran dan penilaian, latihan pembangunan profesionalisme keguruan dan pembinaan bahan sokongan pengajaran dan pembelajaran yang dibangunkan oleh Bahagian, JPN dan PPD.

5.3 Kumpulan Pelaksana

Kumpulan pelaksana bertanggungjawab untuk memastikan bahasa yang digunakan berdasarkan standard kompetensi berbahasa KSBM. Kumpulan yang terlibat iaitu:

5.3.1 Pembangunan Kurikulum

Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Bahagian Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional (BPLTV), Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) dan Bahagian-bahagian lain yang berkaitan dengan penggubalan kurikulum. Kumpulan Pelaksana ini berperanan untuk membina sukatan pelajaran bagi kurikulum kebangsaan bahasa Melayu berdasarkan KSBM. Selain itu, kumpulan ini berperanan memastikan standard bahasa dalam penggubalan kurikulum mata pelajaran selain bahasa Melayu sejajar dengan KSBM.

5.3.2 Pembinaan Instrumen Pentaksiran

Lembaga Peperiksaan (LP), Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Bahagian Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional, Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM), Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) dan bahagian lain termasuk JPN, PPD dan sekolah yang berkaitan dengan penggubalan pentaksiran dan penilaian berperanan untuk membina instrumen penilaian bagi pentaksiran mata pelajaran/kursus/bidang bahasa Melayu berdasarkan KSBM. Selain itu, standard bahasa dalam pembinaan instrumen penilaian bagi pentaksiran mata pelajaran/kursus/bidang selain bahasa Melayu perlu sejajar dengan KSBM.

5.3.3 Penghasilan Bahan Sokongan Pengajaran dan

Pembelajaran


Bahagian, JPN, PPD dan sekolah yang melaksanakan pembinaan dan penghasilan bahan pengajaran dan pembelajaran sama ada bentuk bercetak atau digital perlu menggunakan standard bahasa Melayu yang sejajar dengan KSBM. Garis panduan ini juga boleh dijadikan panduan oleh penyedia bahan sokongan pengajaran dan pembelajaran atau modul latihan keguruan termasuk pembekal luar KPM.

6.0 Pelaksanaan

- 6.1 Pelaksanaan KSBM di KPM bertujuan untuk menyetarakan standard kompetensi berbahasa dalam kalangan pengguna bahasa Melayu. Oleh itu, KSBM dijadikan rujukan untuk menentukan tahap minimum standard kompetensi berbahasa pengguna bahasa Melayu melalui pembinaan kurikulum, pembinaan pentaksiran dan penilaian serta bahan sokongan pengajaran dan pembelajaran dalam bentuk modul, kit pembelajaran dan bahan digital.
- 6.2 Kaedah pelaksanaan KSBM di KPM sebagai dokumen rujukan standard kompetensi berbahasa dalam pembinaan kurikulum kebangsaan, pembinaan instrumen pentaksiran dan penilaian serta pembinaan bahan sokongan pengajaran dan pembelajaran terutama bagi Pendidikan Bahasa Melayu perlu mematuhi proses aliran kerja seperti yang dinyatakan dalam Lampiran 3.
- 6.3 Institusi yang terlibat dalam pelaksanaan KSBM di KPM terdiri daripada BPK, BPG, LP, MPM, IPGM, BPLTV dan BPSH. Institusi lain yang menyokong pelaksanaan KSBM meliputi BPSBP, BPI, BPKhas, BPSwasta, JPN, PPD dan sekolah yang turut menggunakan kurikulum kebangsaan.

7.0 Penutup

Garis panduan KSBM dapat dijadikan rujukan kepada penggubal kurikulum, penilai pentaksiran, pembina modul latihan, guru dan pensyarah dalam melaksanakan pengukuran kecekapan berbahasa bahasa Melayu kepada warga KPM dan institusi pendidikan swasta bawah KPM yang mengendalikan pendidikan bahasa Melayu.



Rajah Kategori Ciri Kualiti Berbahasa Pengguna Berdasarkan KSMB

**PENETAPAN TAHAP MINIMUM STANDARD KOMPETENSI BERBAHASA PENGGUNA
BERDASARKAN KSBM**

MURID SEKOLAH RENDAH

TAHUN	TAHAP KSBM	ARAS					
		1	2	3	4	5	6
Prasekolah	TAHAP 1 (SANGAT TERBATAS)						
1							
2							
3							
4	TAHAP 2 (TERBATAS)						
5							
6							
6	TAHAP 3 (MEMADAI)						

MURID SEKOLAH MENENGAH/LEPAS MENENGAH

TINGKATAN	TAHAP KSBM	ARAS					
		1	2	3	4	5	6
1	TAHAP 3 (MEMADAI)						
2							
3							
3	TAHAP 4 (MEMUASKAN)						
4							
5							
LEPAS MENENGAH	TAHAP 4 (MEMUASKAN)						
LEPAS MENENGAH	TAHAP 5 (CEKAP)						

GURU/PENSYARAH/PEGAWAI BIDANG BM DAN BUKAN BIDANG BM

GURU/PENSYARAH /PPP	TAHAP KSBM	ARAS					
		1	2	3	4	5	6
BUKAN BIDANG BM	TAHAP 4 (MEMUASKAN)						
BIDANG BM	TAHAP 5 (CEKAP)						
	TAHAP 6 (SANGAT CEKAP)						

**CARTA ALIR PELAKSANAAN KERANGKA STANDARD BAHASA MELAYU (KSBM) BAGI
PEMBINAAN KURIKULUM, PENTAKSIRAN DAN BAHAN SOKONGAN**

